

PENGURUSAN JENAZAH TIDAK SEMPURNA DALAM SITUASI PERANG, BENCANA DAN WABAK: TINJAUAN DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM DAN SAINS FORENSIK

MANAGEMENT OF INCOMPLETE REMAINS IN WAR, DISASTER AND PANDEMIC SITUATIONS: AN APPRAISAL FROM ISLAMIC AND FORENSIC SCIENCE PERSPECTIVES

^{i,ii,*}Nadiawati Abdul Razak, ⁱⁱⁱMohamad Muntaha Saleh, ^{iv}Mohamad Aniq Aiman Alias & ^{ii,iv}Wan Abdul Fattah Wan Ismail

ⁱForensic Medicine Unit, Faculty of Medicine and Defence Health, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Kuala Lumpur, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱIslamic Studies Defence Academy, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Kuala Lumpur, Malaysia

^{iv}Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: nadiawati@upnm.edu.my

Article history:

Submission date: 26 May 2024
Received in revised form: 2 July 2025
Acceptance date: 15 August 2025
Available online: 26 December 2025

Keywords:

Disaster, forensic, incomplete remains, management of remains, war, darurat, forensik, mayat tidak sempurna, pengurusan jenazah, perang

Funding:

The authors would like to extend special gratitude to the Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, for the financial support received for this publication.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Ethics Approval:

This study did not require ethics approval as it is a non-interventional qualitative research based solely on document analysis with no human participants or identifiable personal data involved.

Cite as:

Abdul Razak, N., Saleh, M. M., Alias, M. A. A., & Wan Ismail, W. A. F. (2025). Pengurusan jenazah tidak sempurna dalam situasi perang, bencana dan wabak: Tinjauan daripada perspektif Islam dan sains forensik: Management of incomplete remains in war, disaster and pandemic situations: An appraisal from Islamic and forensic science perspectives. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(3), 652–666.
<https://doi.org/10.33102/mjssl.vol13no3.1443>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

The management of deceased bodies in emergency situations such as war, major disasters, and infectious disease outbreaks presents extraordinary challenges from both Shariah and operational perspectives. In Islam, the management of the dead is a collective obligation (*fardu kifayah*). However, its implementation may be hindered when remains are incomplete, severely damaged, or mixed between Muslims and non-Muslims or in an emergency situation such as war. The issue becomes more complex in the presence of limited resources, chaotic environments and politics, and uncertainty in identifying the deceased. Therefore, a contextual and integrative approach that combines Islamic principles with forensic science is urgently needed. This article aims to analyse the management of incomplete remains in emergency contexts, particularly during conflict and large-scale disasters. It explores the management of remains during wartime, Islamic perspectives on handling incomplete bodies, differing scholarly views across the four major Sunni schools Hanafi, Maliki, Syafie, and Hanbali and forensic challenges in the identification and treatment of remains, especially where procedural conflicts arise between modern forensic protocols and Shariah principles. This study adopts a qualitative methodology using document analysis of both primary and secondary sources. The collected data are analysed thematically and presented according to key subthemes. Findings reveal significant differences in the legal opinions of the four schools regarding the minimum body part that necessitates funeral rites such as bathing, shrouding, and prayer. Forensic science plays a vital role in the ethical and systematic identification and disposal of remains, especially in cases involving unidentified or mixed bodies. This research underscores the importance of harmonising Islamic legal frameworks with modern forensic needs to preserve higher objectives of Islamic law (*Maqasid Syariah*) and Islamic religious sensitivity. Collaborative efforts between religious authorities and forensic institutions are proposed as essential to ensuring dignified management of the deceased, even under the most challenging conditions.

ABSTRAK

Pengurusan jenazah dalam situasi darurat seperti peperangan, bencana besar, dan wabak penyakit berjangkit menimbulkan cabaran luar biasa dari sudut Syariah dan operasi. Dalam Islam, pengurusan jenazah adalah suatu kewajipan fardu kifayah. Namun, pelaksanaannya boleh terhalang apabila jenazah berada dalam keadaan tidak sempurna, hancur, atau bercampur antara Muslim dan bukan Muslim ataupun dalam keadaan darurat seperti perang. Isu ini menjadi lebih kompleks apabila terdapat kekangan sumber, kekacauan lokasi dan politik, serta ketidaktentuan identiti jenazah. Oleh itu, pendekatan yang kontekstual dan integratif antara prinsip Islam dan sains forensik amat diperlukan. Kajian ini bertujuan menganalisis isu berkaitan pengurusan jenazah tidak sempurna dalam konteks darurat, khususnya semasa konflik dan bencana besar. Kajian ini memperincikan pengurusan jenazah dalam situasi perang, konsep pengurusan jenazah tidak sempurna menurut Islam, perbezaan pandangan ulama mazhab utama berkaitan jasad yang tidak lengkap, serta cabaran dari perspektif forensik dalam proses pengecaman dan pengurusan jasad, termasuk konflik antara prosedur forensik moden dan prinsip Syariah. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu analisis dokumen terhadap data primer dan sekunder. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis secara tematik dan disusun mengikut subtema kajian. Hasil kajian menunjukkan wujud perbezaan signifikan antara pandangan empat mazhab utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafie, dan Hanbali berhubung tahap minimum jasad yang mewajibkan pelaksanaan mandi, kafan, dan solat jenazah. Manakala forensik pula memainkan peranan penting dalam proses pengecaman dan pengurusan jenazah secara sistematik dan beretika, terutamanya bagi kes jenazah yang tidak dikenali atau bercampur. Kajian ini dilihat sangat penting untuk menyatukan prinsip hukum Islam dengan keperluan forensik moden agar pengurusan jenazah kekal terpelihara dari segi *Maqasid Syariah* dan sensitiviti agama Islam. Kerjasama antara institusi agama dan forensik dicadangkan sebagai kunci utama bagi memastikan penghormatan terhadap jenazah terus dijunjung, walaupun dalam keadaan paling mencabar.

Pengenalan

Dalam situasi darurat seperti peperangan, bencana besar, atau tragedi kemanusiaan, pengurusan jenazah sering kali menjadi cabaran yang sangat kompleks. Hal ini bukan sahaja melibatkan kekangan logistik dan keselamatan, malah menuntut perhatian terhadap aspek agama, budaya, dan hak asasi manusia (Al-Khīn *et al.*, 2009). Dalam Islam, pengurusan jenazah merupakan satu tuntutan fardu kifayah yang menekankan prinsip penghormatan dan pemuliaan terhadap si mati, walaupun dalam keadaan yang paling sukar (Hazique, 2024). Kepentingan pengurusan jenazah ini bukan sahaja terletak pada aspek keagamaan, tetapi juga mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan dan perundangan sejagat.

Sungguhpun begitu, realiti di lapangan seperti ketika berlaku peperangan atau bencana alam sering kali menghalang pelaksanaan menyeluruh terhadap prosedur pengurusan jenazah menurut perspektif Syariah. Jenazah yang tidak sempurna, tidak dapat dikenal pasti, atau bercampur antara agama menimbulkan persoalan besar dari sudut hukum dan prosedur pelaksanaannya. Sebagai contoh, tragedi MH17 yang melibatkan mangsa daripada pelbagai latar belakang bangsa dan agama, membuktikan bahawa proses pengecaman dan pelupusan jenazah perlu diselaraskan antara pendekatan forensik moden dan prinsip-prinsip agama (Khoo *et al.*, 2016; Othman, 2014).

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu berkaitan pengurusan jenazah tidak sempurna dalam konteks situasi darurat, khususnya semasa konflik peperangan, wabak dan bencana besar. Penyelidik akan memperjelaskan aspek pengurusan jenazah dalam keadaan darurat atau semasa peperangan serta membincangkan konsep pengurusan jenazah tidak sempurna menurut perspektif Islam. Selain itu, artikel ini turut mengupas perbezaan pandangan dalam kalangan ulama mazhab utama berkenaan pengurusan jenazah yang tidak lengkap. Akhir sekali, perbincangan turut merangkumi cabaran dari sudut forensik dalam proses pengecaman dan pengurusan jasad, serta konflik yang mungkin timbul antara prosedur forensik moden dan prinsip Syariah Islam dalam pengurusan jenazah.

Pengurusan Jenazah Tidak Sempurna Menurut Islam

Dalam keadaan darurat atau keadaan yang lebih ekstrem, terdapat kemungkinan bahawa jenazah tidak dapat diuruskan secara sempurna seperti dalam keadaan biasa. Hal ini termasuk situasi di mana hanya sebahagian tubuh atau anggota badan dijumpai, jenazah telah rosak, reput, atau jenazah langsung tidak dijumpai. Dalam hal ini, para ulama telah membahaskan pelbagai pendekatan dan hukum berkaitan pengurusan jenazah yang tidak sempurna berasaskan dalil serta ijtihad yang berbeza mengikut mazhab.

Al-Nawawī (t.th.) dalam kitabnya Raudhah al-Talibin menyatakan bahawa dalam situasi peperangan, memadai untuk menutup jenazah dengan sehelai kain atau pakaian yang dapat menutupi sebahagian tubuh, bergantung kepada kemampuan dan keadaan semasa. Penulis turut menyenaraikan dua pandangan utama dalam kalangan ulama berkenaan hukum mengkafankan dalam situasi darurat. Pertama, pakaian tersebut hendaklah sekurang-kurangnya menutup aurat jenazah mengikut jantinya; dan kedua, ia sebaiknya menutupi keseluruhan tubuh, kecuali bagi jenazah yang meninggal dunia dalam keadaan berihram. Pendekatan ini mencerminkan penerapan prinsip *taysir* (kemudahan) dalam pengurusan jenazah, selagi mana ia tidak menyalahi asas penghormatan terhadap si mati (Mohd Noor *et al.*, 2020).

Dalam keadaan ketiadaan air pula, ulama bersepakat bahawa tayammum boleh dilakukan sebagai ganti kepada mandi jenazah. Malah, sekiranya tubuh jenazah hampir reput atau hancur, maka tayammum tetap dianggap sah jika penggunaan air boleh memudaratkan atau tidak tersedia langsung (al-Zuhaylī, 2007). Prinsip umum yang digunakan dalam keadaan ini adalah berlandaskan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 286:

Terjemahan: Allah tidak membebani seseorang melainkan dengan apa yang terdaya olehnya.

(Surah Al-Baqarah, 2:286)

Demikian juga dalam isu mayat yang hilang atau tidak ditemui sepenuhnya seperti dimakan binatang buas atau tenggelam di lautan, hukum pengurusan jenazah diberi kelonggaran mengikut kadar kemampuan. Perbezaan pandangan turut wujud dalam kalangan ulama mengenai pengurusan jenazah yang hanya sebahagian tubuh atau anggota badannya dijumpai. Imam Syafie, Imam Ahmad bin Hanbal dan Ibnu Hazm berpandangan bahawa mana-mana anggota badan yang dijumpai hendaklah dimandikan, dikafankan dan disolatkan, dengan niat solat ke atas jenazah yang sempurna. Pendapat ini berbeza dengan pandangan Imam Abu Hanifah dan Imam Malik yang berpendapat bahawa sekiranya hanya sebahagian badan dijumpai tanpa kepala atau jumlahnya terlalu sedikit, maka tidak perlu dimandi atau solat. Bagi mazhab Hanafi pula, proses lengkap iaitu mandi, kafan dan solat hanya dilaksanakan jika sekurang-kurangnya separuh badan yang lengkap dengan kepala ditemui (Al-Kāsānī, t.th.).

Perbincangan lanjut dalam kalangan ulama menunjukkan bahawa hukum mandi jenazah Muslim adalah fardu kifayah secara asas. Imam Syafie menyatakan bahawa walaupun hanya sebahagian kecil anggota badan mayat dijumpai, ia perlu diurus seperti jenazah yang sempurna. Namun begitu, pendapat ini tidak muktamad, kerana Imam Abu Hanifah menerima pakai konsep *rukhsah* dalam isu jenazah yang tidak sempurna bentuknya (Malik, 2020).

Satu peristiwa yang kerap dirujuk ialah kisah tangan Abd Rahman bin 'Itab bin Asid yang jatuh di Mekah semasa Perang Jamal dan hanya dikenali melalui cincinnya. Para sahabat telah memandikan serta mensolatkan tangan tersebut. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan dikemukakan oleh Imam Syafie sebagai dalil bahawa walaupun hanya sebahagian badan ditemui, proses pengurusan jenazah tetap dilakukan (al-Sharbīnī, 1995).

Demikian juga, Imam Ahmad pernah menyatakan bahawa Abu Ayyub mensolatkan sepotong kaki, dan Saidina Umar RA mensolatkan tulang belulang. Berdasarkan peristiwa ini, ulama sepakat bahawa jika bahagian badan masih belum tercerai sepenuhnya dan boleh dimandikan, maka wajib dimandikan dan disolatkan. Namun, jika anggota badan itu telah tercerai dan tidak boleh dimandikan, maka ia ditayammumkan dan tetap disolatkan, bergantung kepada kesucian dan keadaannya (Ibn Qudāmah, 1997).

Pengurusan Jenazah Tidak Sempurna Menurut Pelbagai Mazhab dalam Islam

Dalam kerangka fiqh Islam, perbezaan pandangan dalam kalangan mazhab utama merupakan bukti keanjalan hukum Syariah dalam menangani situasi kompleks, termasuk pengurusan jenazah yang tidak sempurna. Tokoh-tokoh besar seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie, dan Imam Ahmad bin Hanbal telah membentuk pendekatan tersendiri dalam merumuskan hukum berkaitan jenazah yang hanya sebahagian badannya dijumpai, atau rosak akibat kecederaan parah, kebakaran, atau percampuran anggota badan.

Menurut Imam Abu Hanifah, dalam beberapa keadaan, jenazah tidak perlu dimandikan atau disolatkan, terutamanya jika sebahagian besar keadaan fizikal jenazah telah musnah, seperti apabila kepala dan separuh badan telah hilang atau hancur. Dalam situasi ini, kewajipan memandikan dan mensolatkan jenazah tidak lagi terpakai kerana badan tersebut tidak lagi memenuhi syarat minimum pelaksanaan ibadah tersebut. Walau bagaimanapun, jika keadaan jenazah masih memungkinkan, proses mandi tetap dilaksanakan, namun cara pelaksanaannya tidak semestinya menepati kaedah bagi jenazah yang sempurna (Al-Kāsānī, t.th.). Imam Abu Hanifah turut membincangkan isu berkaitan anggota badan yang bercampur antara jenazah Muslim dan bukan Muslim, atau yang telah dihancurkan akibat bencana. Dalam keadaan ini, beliau tidak mewajibkan pengurusan penuh jika identiti si mati tidak jelas dan pelaksanaan ritual menjadi tidak realistik (Al-Kāsānī, t.th.).

Sebaliknya, Imam Syafie membawa pendekatan yang lebih berhati-hati. Beliau berpandangan bahawa jenazah yang terpotong-potong, sekalipun hanya sebahagian badan atau anggota kecil seperti tangan, perlu diperlakukan seperti jenazah yang sempurna. Ini termasuk kewajipan mandi dan solat, selagi kematian dan identiti individu tersebut telah dipastikan. Pandangan ini dinyatakan oleh al-Khatib al-Syarbini yang menukulkan bahawa walaupun hanya sehelai rambut atau cebisan kuku dijumpai, pengurusan jenazah tetap wajib dijalankan seperti jenazah sempurna (al-Sharbīnī, 1995). Walau bagaimanapun, Imam Syafie turut mengiktiraf keperluan untuk menyesuaikan hukum berdasarkan keadaan potongan tubuh tersebut. Jika anggota itu berada dalam keadaan yang tidak memungkinkan untuk dimandikan seperti reput, hangus atau dipenuhi najis, maka tayammum dibenarkan sebagai ganti. Hal ini dihuraikan oleh al-Sharbīnī (1995) dalam Mughnī al-Muhtāj, berasaskan kaedah fiqh *al-darūrāt tubīh al-mahzūrāt*.

Bagi mazhab Hanafi, sekurang-kurangnya separuh badan yang lengkap dengan kepala perlu ditemui untuk mewajibkan mandi, kafan dan solat jenazah. Jika hanya sebahagian kecil badan tanpa kepala dijumpai, kewajipan tersebut terbatal kerana syarat kesempurnaan tubuh adalah penting dalam menentukan hukum berkaitan pengurusan jenazah. Pandangan ini disokong oleh riwayat yang diambil daripada Ibn Mas'ud dan Ibn Abbas RA bahawa:

Terjemahan: Tidak disembahyangkan ke atas anggota badan.

(Sunan al-Kubra, t.th., Hadis 7232)

Mazhab Maliki pula menetapkan bahawa hanya apabila dua pertiga badan jasad dijumpai, barulah solat jenazah dilakukan. Jika jasad yang dijumpai kurang daripada itu, termasuk tangan, kaki atau kepala, maka tidak diwajibkan proses mandi atau solat. Namun, mereka membenarkan penggunaan tayammum dalam kes jasad yang hancur, terbakar, atau mempunyai risiko kerosakan lanjut sekiranya air digunakan, seperti yang dihuraikan dalam kitab al-Iklil dan al-Nawadir wa al-Ziyadat. Mazhab Syafie menunjukkan kepekaan yang lebih tinggi terhadap penghormatan terhadap jenazah, dengan mewajibkan pengurusan jenazah lengkap walaupun hanya cebisan badan dijumpai. Al-Khatib al-Syarbini menegaskan bahawa walaupun hanya sehelai rambut atau secebis kuku ditemui dan kematian telah disahkan, maka ia tetap perlu dimandikan dan disolatkan, termasuk melalui solat ghaib jika kehadiran fizikal tidak memungkinkan (al-Sharbīnī, 1995).

Jadual 1 menunjukkan bahawa setiap mazhab utama dalam Islam mempunyai kriteria tersendiri dalam menentukan kewajipan pengurusan jenazah tidak sempurna. Perbezaan ini amat ketara apabila melibatkan isu seperti jumlah anggota badan yang dijumpai, keadaan jasad, serta tahap kemusnahan fizikal yang berlaku terhadap jenazah.

Jadual 1. Ringkasan Pengurusan Jenazah Mengikut Mazhab

Mazhab	Bahagian Jasad yang dijumpai	Pengurusan Jenazah		
		Mandi	Kafan	Solat
Mazhab Hanafi	Separuh daripada anggota badan lengkap berkepala	√	√	√
	Sebahagian badan yang telah terpisah tanpa kepala	×	√	√
Mazhab Maliki	Hanya 1/3 daripada badan jasad dijumpai	×	×	×
	Separuh daripada jasad beserta kepala dijumpai	×	×	×
	Keadaan jasad yang dijumpai bersamaan 2/3 atau lebih	×	×	√
	Jasad yang dijumpai kurang daripada 2/3	×	×	×
	Jenazah yang ghaib (tidak dijumpai).	×	×	×
	Anggota badan sahaja dijumpai (tangan, kaki, atau kepala)	×	×	√
	Jasad itu terbakar, berpenyakit cacar, cacar air, mengalami kecederaan yang teruk, jasad hancur di bawah runtuhan	√ (jika boleh) -dicurahkan air, jika mandi merosakkan jasad -Tayammum, jika air sebabkan anggota terputus (<i>al-Iklil Syarah Mukhtasar Khalil</i> , hlm. 79 dan <i>al-Nawadir wa al-Ziyadat</i> , hlm. 548)		
Mazhab Syafie	Sebahagian daripada jenazah muslim yang bukan syahid	√	√ -ditutup dengan cebisan kain dan ditanam sama seperti mayat yang kematian biasa)	√
Mazhab Hanbali	Mayat itu tidak dijumpai melainkan sebahagian anggota badannya sahaja	√	×	√
	Sebahagian anggota badan daripada mayat yang masih belum ditanam	√ (tiada sebarang khilaf padanya pendapat Ibn Sirin)	√	√

Sementara itu, mazhab Hanbali memperlihatkan konsistensi dengan pandangan Syafie dalam beberapa aspek. Mereka berpendapat bahawa walaupun hanya sebahagian badan jasad dijumpai, ia masih perlu dimandikan dan disolatkan, selagi belum dikebumikan. Bahkan, tidak terdapat *ikhtilaf* dalam kalangan ulama Hanbali mengenai kewajipan ini sekiranya badan jasad tersebut masih boleh dikenalpasti (Ibn Qudāmah, 1997). Perbincangan fiqh ini turut disokong oleh pandangan kontemporari melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Tahun 2004. Fatwa tersebut menyatakan bahawa organ atau tisu manusia yang telah dikeluarkan selepas kematian perlu ditanam bersama jenazah. Bahkan, ia dianggap lebih afdhal jika dibungkus dalam kain kafan sebagai sebahagian daripada penghormatan terakhir. Pihak hospital atau waris dibenarkan menanamnya setelah disahkan selamat oleh pihak berautoriti.

Fatwa ini secara tidak langsung mencerminkan kesinambungan prinsip klasik yang diangkat ke dalam kerangka undang-undang dan prosedur moden, berasaskan *Maqasid Syariah* dalam menjaga maruah si mati walaupun badan jenazah tidak sempurna (Mukhlisin *et al.*, 2018). Secara keseluruhannya, perbezaan pandangan antara mazhab mencerminkan keluasan pendekatan hukum Islam dalam isu jenazah tidak sempurna. Namun, di sebalik pelbagai pendapat, wujud prinsip bersama yang menekankan keperluan menjaga kehormatan si mati, sama ada melalui tayammum, solat ghaib atau pengebumian yang bersesuaian dengan keadaan.

Dalam konteks semasa, isu pengurusan jenazah tidak sempurna tidak hanya terhenti pada ruang lingkup fiqh, tetapi turut melibatkan aspek saintifik dan teknikal. Justeru, perbincangan seterusnya akan meneliti bagaimana perubatan forensik memainkan peranan penting dalam membantu pengesanan, pengesahan identiti, serta pengurusan jenazah yang tidak sempurna, khususnya dalam situasi melibatkan kematian bencana, wabak, atau perang.

Pengurusan Jenazah Ketika Darurat atau Dalam Situasi Perang

Secara umumnya, pengurusan jenazah dalam keadaan darurat atau peperangan berbeza secara signifikan daripada amalan biasa kerana ia memerlukan pertimbangan khusus yang disesuaikan dengan situasi semasa. Dalam Islam, penghormatan terhadap jenazah merupakan satu kewajipan syarak yang termasuk dalam kategori fardu kifayah (Roslan, 2024). Namun begitu, dalam keadaan darurat, beberapa kelonggaran (*rukhsah*) dibenarkan bagi memastikan jenazah tetap dapat diuruskan dengan penuh hormat, meskipun tidak sempurna.

Dalam situasi-situasi seperti peperangan, bencana besar atau wabak penyakit berjangkit, pelaksanaan pengurusan jenazah tidak dapat berjalan seperti amalan sedia ada. Walaupun prinsip Syariah menetapkan beberapa kewajipan asas seperti memandikan, mengkafankan, mensolatkan dan mengebumikan jenazah, pelaksanaannya sering kali terbatas oleh pelbagai kekangan fizikal dan keselamatan di lapangan (JAKIM, 2020). Bagi memahami konteks sebenar yang membenarkan pelaksanaan *rukhsah*, berikut diperincikan beberapa cabaran utama yang sering kali menjadi penghalang kepada pengurusan jenazah secara sempurna dalam situasi darurat:

Jadual 2. Cabaran Utama dalam Menguruskan Jenazah dalam Keadaan Darurat

Bil.	Cabaran Utama	Penerangan
1.	Ketiadaan sumber - kain kafan	Kain kafan mungkin tidak tersedia dalam jumlah yang mencukupi
2.	Ketiadaan tanah perkuburan	Tanah perkuburan mungkin tidak boleh diakses kerana medan perang atau bencana alam
3.	Kemudahan air bersih	Tidak mencukupi untuk memandikan jenazah
4.	Ancaman keselamatan	Risiko serangan musuh boleh menghalang proses pengebumian; keadaan medan perang yang tidak stabil menyukarkan penggalian kubur atau solat jenazah secara berjemaah
5.	Jumlah kematian yang tinggi	Jumlah kematian yang banyak boleh menyebabkan kesukaran dalam menguruskan jenazah satu per satu. Perlu ada sistem khas untuk pengurusan berkelompok
6.	Risiko penyebaran penyakit	Sekiranya kematian berlaku akibat penyakit berjangkit, pengurusan jenazah perlu dilakukan dengan langkah keselamatan ketat bagi mengelakkan jangkitan kepada orang hidup seperti dalam kes COVID-19, HIV dan sebagainya

Jadual 2 di atas menunjukkan enam cabaran utama yang dihadapi semasa mengurus jenazah dalam situasi darurat. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja membataskan pelaksanaan tatacara pengurusan secara sempurna, malah menuntut pemahaman yang mendalam terhadap justifikasi hukum berkaitan *rukhsah* dan *Maqasid Syariah* dalam konteks darurat (Alias *et al.*, 2024; Meirison *et al.*, 2022; Baharuddin *et al.*, 2021). Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang cabaran pengurusan jenazah dalam situasi darurat, dua kajian kes akan dianalisis. Kajian kes pertama menyorot insiden antarabangsa yang kompleks dari sudut forensik dan Syariah, manakala kajian kes kedua pula memfokuskan kepada tragedi domestik yang turut menimbulkan isu pengelasan dan pengurusan jenazah rentung.

Kajian Kes 1: Tragedi MH17

Tragedi nahas pesawat MH17 pada 17 Julai 2014 merupakan antara kes forensik paling mencabar di Malaysia yang melibatkan pengurusan jenazah tidak sempurna. Pesawat Malaysia Airlines yang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur telah ditembak jatuh di kawasan konflik di timur Ukraine, menyebabkan kesemua 298 penumpang dan anak kapal terkorban. Mangsa terdiri daripada pelbagai kewarganegaraan, termasuk Belanda (193), Malaysia (43), Australia (27), Indonesia (12), United Kingdom (10), Jerman (4), Belgium (4), Filipina (3), Kanada (1) dan New Zealand (1) (Bernama, 2024).

Keadaan jenazah yang ditemui amat menyayat hati, dengan kebanyakan mangsa berada dalam keadaan tidak sempurna, antaranya terputus anggota badan, hangus terbakar, dan mengalami tahap pereputan yang berbeza bergantung pada masa penemuan serta keadaan persekitaran. Situasi ini menjadikan proses pengecaman dan pengurusan jenazah sangat kompleks dan mencabar dari sudut forensik dan Syariah. Menurut Khoo *et al.*, (2016), tragedi ini memperlihatkan kesukaran sebenar dalam pengecaman dan pengurusan jenazah apabila berlaku kerosakan fizikal yang teruk serta percampuran antara individu pelbagai agama dan kewarganegaraan.

Dari sudut forensik, pendekatan saintifik yang diguna pakai termasuk analisis cap jari, rekod pergigian dan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) yang dilaksanakan secara sistematik oleh pasukan *Disaster Victim Identification* (DVI) Malaysia dengan kerjasama pelbagai negara (Baharuddin, 2017). Proses pengecaman dan pengesahan identiti ini diikuti dengan bedah siasat bagi mengenal pasti punca kematian. Walau bagaimanapun, proses ini mengambil masa yang panjang, menyebabkan pengebumian tidak dapat dilaksanakan segera.

Pengurusan jenazah tetap dilakukan dengan penuh berhati-hati mengikut garis panduan Islam setelah identiti mangsa disahkan. Bagi mangsa yang belum dikenal pasti, solat jenazah ghaib telah dilaksanakan, manakala bagi jenazah yang telah dikenal pasti, pengkafanan, solat jenazah, dan pengebumian dilakukan mengikut tatacara Syariah (Mohamad Al-Bakri, 2016). Tragedi MH17 membuktikan bahawa sinergi antara sains forensik dan prinsip-prinsip Islam amat penting dalam pengurusan jenazah tidak sempurna, khususnya dalam konteks bencana besar, kawasan konflik atau situasi peperangan yang melibatkan umat Islam (Bernama, 2014).

Kajian Kes 2: Tragedi Kebakaran Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah

Selain tragedi MH17, satu lagi insiden yang memberikan cabaran besar dalam pengurusan jenazah tidak sempurna ialah tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Keramat pada 14 September 2017. Tragedi ini telah meragut 23 nyawa, terdiri daripada pelajar serta dua orang guru. Keadaan jenazah amat menyayat hati kerana hampir kesemua mangsa rentung dalam kebakaran yang marak dengan pantas, menyebabkan tubuh mereka mengalami kerosakan haba yang teruk sehingga menyukarkan pengecaman secara fizikal (De Boer *et al.*, 2020). Dalam kes ini, keadaan jenazah yang tidak sempurna bukan sahaja menyulitkan proses pengecaman, malah turut menimbulkan cabaran besar terhadap pengurusan jenazah menurut tuntutan Islam yang menekankan kepentingan pengecaman yang sah, penghormatan terhadap jasad si mati, dan pelaksanaan pengebumian yang sempurna.

Bagi menangani cabaran ini, pasukan forensik menggunakan kaedah pengecaman secara saintifik melalui ujian DNA yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia (Baharuddin *et al.*, 2021). Sampel darah atau tisu organ mangsa diambil dan dibandingkan dengan profil DNA ibu bapa atau ahli keluarga terdekat. Pendekatan ini membolehkan semua mangsa dikenal pasti secara sah dari sudut perubatan, dan diterima dari sudut Syariah melalui penerapan konsep *al-tawthīq* (pengesahan) dan *al-zann al-ghālib* (sangkaan kuat). Dalam konteks fiqh, pengecaman melalui kaedah saintifik seperti ujian DNA boleh diterima sebagai *qarinah qat'iyah* (petunjuk kuat) yang menyokong kesahan proses pengebumian menurut hukum Islam.

Setelah proses pengecaman disahkan, pengurusan jenazah dilaksanakan dengan tertib mengikut garis panduan Syariah, termasuk proses pengkafanan, solat jenazah, dan pengebumian secara berasingan, walaupun keadaan fizikal jenazah amat terjejas. Dalam mazhab Syafie, hukum asal terhadap jenazah adalah wajib dimandikan, sama ada terbakar atau tidak. Namun, sekiranya berlaku keuzuran seperti tahap kebakaran yang amat parah—*deep burn* (tahap ketiga)—penggunaan air tidak disyorkan kerana dikhuatiri akan menyebabkan kerosakan lanjut pada jasad. Dalam keadaan ini, tayammum dibenarkan sebagai ganti kepada mandi jenazah (al-Nawawī, 1996).

Tragedi ini membuktikan bahawa kerjasama erat antara pakar forensik dan pihak berkuasa agama amat penting bagi memastikan hak si mati dipelihara dari sudut saintifik dan Syariah, khususnya apabila berhadapan dengan pengurusan jenazah tidak sempurna dalam situasi bencana besar atau kecelakaan luar jangka.

Pengurusan Jenazah Tidak Sempurna Menurut Perspektif Forensik

Pengesahan identiti adalah amat penting untuk mengurangkan ketidakpastian dan sebagai sebahagian daripada proses berkabung oleh waris dan rakan-rakan. Identiti mayat juga penting untuk tujuan pendaftaran dan prosedur susulan dalam menguruskan jenazah, termasuk upacara pengebumian, pembahagian harta, tindakan mahkamah jenayah atau sivil, dan kemungkinan pampasan ekonomi (Vaswani *et al.*, 2024). Situasi ini membuktikan bahawa kekangan sumber, dokumentasi, dan risiko keselamatan adalah isu sebenar di lapangan.

Sementara itu, kajian oleh Safrudin (2018) pula menekankan bagaimana isu percampuran antara jenazah Muslim dan bukan Muslim dalam situasi bencana memberikan tekanan besar kepada pelaksana hukum Syariah. Oleh itu, fatwa yang lebih kontekstual dan responsif perlu dibangunkan sebagai panduan untuk situasi sebegini. Hal yang sama berlaku dalam tempoh pandemik COVID-19, di mana jenazah perlu diuruskan dengan protokol keselamatan yang ketat, tanpa sentuhan langsung dan solat jenazah ghaib dilakukan secara meluas (Faisal *et al.*, 2024; YADIM, 2021).

Selain itu, sejarah Islam turut merekodkan beberapa contoh amalan pengurusan jenazah ketika darurat. Sebagai contoh, dalam Perang Uhud, ramai sahabat gugur syahid dan dikebumikan dalam satu kubur besar (Mubārakfūrī, 1984). Nabi Muhammad SAW membenarkan pengebumian beramai-ramai kerana faktor darurat dan jumlah kematian yang tinggi. Contoh kontemporari pula dapat dilihat dalam konflik bersenjata di Gaza dan Syria, di mana banyak jenazah dikebumikan dalam kubur besar akibat serangan berterusan serta kekangan sumber.

Walaubagaimanapun, dalam perundangan moden, prosedur forensik perlu dijalankan terlebih dahulu bagi tujuan dokumentasi dan pengecaman sebelum pengebumian dilaksanakan (Guyomarc'h & Congram, 2017). Bahkan, Islam membenarkan beberapa kaedah alternatif yang sah pada sudut hukum sebagai penyesuaian terhadap realiti semasa seperti yang dirumuskan dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1. Ringkasan Rukhsah Pengurusan Jenazah Islam (AI Generated Image)

Berdasarkan Rajah 1, pendekatan alternatif yang dibenarkan oleh Syariah dalam pengurusan jenazah ketika darurat merupakan manifestasi kepada prinsip *rukhsah* yang membolehkan kelonggaran hukum dalam keadaan keterpaksaan. Antara bentuk kelonggaran atau *rukhsah* yang paling utama ialah pelaksanaan tayammum sebagai ganti kepada kewajipan memandikan jenazah. Dalam situasi di mana air tidak mencukupi atau penggunaannya berisiko seperti dalam kes penyakit berjangkit seperti COVID-19, jenazah ditayammumkan selaras dengan kaedah fiqh *al-masyaqqah tajlibu al-taysir* (Ibn Qudāmah, 1997).

Selain itu, penggunaan bahan selain kain kafan turut dibenarkan apabila sumber kafan tidak mencukupi. Dalam keadaan ini, sebarang helaian kain yang bersih dan sesuai seperti pakaian jenazah sendiri boleh digunakan. Malah, jika jumlah jenazah ramai dan sumber kain sangat terhad, Islam membenarkan beberapa jenazah dikafankan bersama dalam satu helaian besar, asalkan ia masih menepati batas kesucian dan penghormatan yang sewajarnya (Harakatuna, 2022). Pendekatan ini menzahirkan prinsip keseimbangan antara keperluan praktikal dan kehormatan jenazah yang dituntut Syariah.

Kaedah lain yang sering diamalkan dalam situasi peperangan dan bencana ialah pelaksanaan solat jenazah ghaib. Sekiranya solat secara fizikal tidak dapat dilaksanakan kerana faktor keselamatan atau logistik, Syariah membenarkan solat ghaib dilakukan dari jarak jauh. Contoh terawal amalan ini telah dilakukan oleh Rasulullah SAW yang mengerjakan solat jenazah ghaib dari Madinah terhadap Raja Najasyi yang mangkat di Habsyah (al-Bukhari, 1987).

Demikian juga sekiranya jumlah kematian yang sangat tinggi, Syariah turut mengiktiraf keperluan untuk pengebumian secara kolektif. Jenazah boleh ditanam secara beramai-ramai dalam satu liang lahad apabila pengebumian individu tidak dapat dilakukan (Adham, 2024). Ini bukan sahaja direkodkan dalam sejarah Perang Uhud, tetapi juga dalam garis panduan kontemporari yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama seperti Mufti Selangor (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2023). Meskipun demikian, jika keadaan mengizinkan, jenazah tetap disusun dengan baik dan dihadapkan ke arah kiblat sebagai memenuhi adab pengebumian Islam.

Dalam kes yang lebih mendesak, pengebumian boleh dilaksanakan tanpa didahului solat jenazah. Sekiranya keadaan tidak selamat atau tidak stabil, jenazah dibenarkan dikebumikan terlebih dahulu, manakala solat jenazah dilakukan kemudian apabila keadaan mengizinkan. Prinsip ini telah diperakui dalam perbincangan fatwa oleh Mufti Wilayah Persekutuan yang menjelaskan bahawa keutamaan adalah pada pemeliharaan nyawa dan keselamatan awam (Abdul Khalid, 2022). Akhir sekali, dalam keadaan yang amat ekstrem seperti kematian di tengah lautan atau kawasan yang mustahil digali, Syariah membenarkan jenazah dihanyutkan ke laut dengan penuh adab dan penghormatan dengan syarat tiada alternatif lain (Ibn Qudāmah, 1997).

Kesemua pendekatan ini mencerminkan sifat fleksibel, kontekstual, dan *rahmah* berpaksikan Syariah yang memberi ruang kepada pelaksanaan hukum berdasarkan tahap kemampuan dan keadaan sebenar di lapangan. Dalam masa yang sama, ia menuntut keterlibatan ilmu fiqh, profesionalisme, serta kepekaan terhadap nilai-nilai insani yang merentas disiplin. Setelah dibincangkan beberapa bentuk kelonggaran yang diharuskan oleh Syariah dalam mengurus jenazah sewaktu darurat, timbul persoalan lanjut mengenai status jenazah yang tidak dapat diuruskan secara sempurna. Dalam konteks ini, wujud pelbagai pandangan dalam kalangan fuqaha berhubung kewajipan memandikan, mengkafankan, dan mensolatkan jenazah yang hanya sebahagian badannya ditemui, atau yang tidak dapat dikebumikan dengan cara biasa. Bahagian berikut seterusnya akan menghuraikan perbincangan fiqh klasik dan kontemporari berkaitan pengurusan jenazah tidak sempurna menurut mazhab-mazhab utama dalam Islam.

Kerjasama Forensik dengan Pelbagai Agensi Dalam Siasatan Kematian

Perubatan forensik adalah bidang perubatan yang menintegrasikan ilmu perubatan dalam menyelesaikan kes medikolegal (Abdullah *et al.*, 2024). Jabatan Perubatan Forensik berfungsi untuk menjalankan pemeriksaan bedah siasat ke atas mayat yang dibawa oleh polis dan menentukan punca kematian (Hospital Kuala Lumpur, 2024). Forensik memainkan peranan penting dalam pengurusan jenazah, terutamanya dalam kes kematian yang melibatkan jenayah, bencana, atau mayat yang tidak dikenali (Dahal *et al.*, 2023). Tidak hanya mengendalikan jenazah yang sempurna, kadang-kadang pihak polis membawa mayat

yang tidak sempurna akibat kemalangan jalan raya, bencana alam, bangunan runtuh, nahas kapal terbang dan sebagainya.

Penglibatan forensik dalam pengendalian bencana ramai orang di peringkat antarabangsa sebagai contohnya adalah insiden MH17 (Khoo *et al.*, 2016). Ianya adalah satu tragedi penerbangan yang melibatkan mangsa daripada pelbagai kewarganegaraan dan agama. Kes ini adalah contoh terbaik kerana terdapat percampuran antara bahagian jasad Islam dan bukan Islam dan kawasan terhempas kapal terbang tersebut berada di dalam kawasan konflik yang mana ini menyebabkan pengurusan jenazah menjadi lambat kerana kekangan sumber dan keselamatan pihak penyelamat. Tindakan pantas kerajaan Malaysia telah mengerahkan sebanyak 116 anggota penyelamat ke Kiev, Ukraine pada 18 Julai 2014, yang terdiri daripada: pasukan penyelaras dari Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), pasukan SMART, pasukan liputan media, pasukan Khas Laut (PASKAL), Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), dan pasukan *disaster victim identification* (DVI) yang dibentuk secara *ad hoc* (National Security Council, 2014).

Selain itu, pakar forensik juga memainkan peranan yang penting dalam konflik bersenjata contohnya situasi perang kerana latihan khusus yang diterimanya, termasuk pemeriksaan ke atas mayat manusia untuk menentukan punca dan cara kematian, serta membincangkan mekanisme kematian (Peerwani, 2017). Tragedi pencerobohan bersenjata di Lahad Datu, Sabah pada Februari hingga Mac 2013 merupakan salah satu insiden yang boleh disifatkan sebagai 'situasi perang' di Malaysia moden. Konflik bersenjata antara pasukan keselamatan Malaysia dan kumpulan militan bersenjata dari Selatan Filipina telah mengorbankan ramai individu termasuk anggota keselamatan negara dan penceroboh (Sinar Harian, 2020). Beberapa mayat ditemui dalam keadaan yang amat mengerikan iaitu ada yang dalam keadaan hancur akibat letupan bom, tertembak di kepala atau badan, serta mengalami pereputan kerana kelewatan dalam proses penemuan dan pengumpulan jenazah di medan tempur. Keadaan jenazah yang tidak sempurna ini memberikan cabaran besar kepada pasukan forensik dalam aspek pengecaman, dokumentasi, serta pelaksanaan pengurusan jenazah mengikut prinsip Islam.

Dalam kes ini, pendekatan forensik yang digunakan termasuklah bedah siasat, analisis cap jari (jika masih boleh diperolehi), dan ujian DNA sebagai kaedah utama pengenalpastian. Namun, cabaran utamanya ialah kebanyakan jenazah mengalami kerosakan teruk dan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Oleh itu, pendekatan kombinasi antara analisis saintifik dan maklumat sokongan seperti pakaian, lokasi penemuan, serta testimoni saksi digunakan untuk menyokong identiti mangsa. Dari perspektif Islam, pengecaman jenazah dalam situasi perang seperti ini dibenarkan melalui konsep *al-zann al-ghālib* (sangkaan yang kuat), terutama dalam konteks darurat dan keperluan mendesak untuk mengurus jenazah secepat mungkin tanpa mengabaikan prinsip kehormatan si mati (Siregar, 2025).

Setelah pengecaman dibuat, pengurusan jenazah dilakukan mengikut garis panduan syariah yang diringkaskan selari dengan keadaan medan perang. Jenazah yang rosak teruk dibungkus dan dikafankan sekadar mampu, kemudian disolatkan secara berjemaah dan dikebumikan sama ada secara individu atau secara berkelompok, bergantung kepada keadaan. Insiden Lahad Datu membuktikan pentingnya kerjasama strategik antara pasukan forensik, pihak keselamatan, dan institusi agama dalam memastikan pengurusan jenazah yang tidak sempurna dapat dilakukan dengan penuh hormat, telus dan patuh syarak, walaupun dalam suasana konflik bersenjata.


Menurut sumber Hospital Kuala Lumpur (2024), terdapat beberapa situasi di mana jenazah dikategorikan sebagai tidak sempurna dan memerlukan intervensi forensik seperti yang dirumuskan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3. Rumusan Situasi dan Peranan Forensik dalam Pengurusan Jenazah

No.	Situasi	Intervensi forensik
1.	Jasad yang mengalami pereputan teruk	Berlaku apabila mayat terbiar dalam tempoh yang lama tanpa dikesan dan keadaan ini menyukarkan pengecaman secara fizikal dan memerlukan analisis forensik seperti ujian DNA untuk mengenal pasti identiti.
2.	Jasad yang mengalami kecederaan serius	Jenazah yang terbakar, hancur akibat letupan, atau mengalami trauma fizikal yang parah. Dalam kes seperti ini, forensik akan menggunakan rekod pergigian atau teknologi imbasan CT untuk membantu pengecaman (Dahal <i>et al.</i> , 2023).
3.	Jasad yang tidak dapat dikenal pasti (<i>unclaimed bodies</i>)	Mayat tanpa identiti, sama ada kerana tiada dokumen pengenalan atau mengalami kecederaan parah parah di bahagian muka yang menghalang pengecaman. Ujian cap jari, DNA dan rekod perubatan digunakan untuk mengesan identiti (Tettamanti <i>et al.</i> , 2025).
4.	Jasad yang berkaitan dengan kes jenayah	Dalam kes pembunuhan atau kematian yang mencurigakan, bedah siasat forensik diperlukan untuk mengenal pasti punca kematian dan mengambil bukti-bukti yang boleh digunakan di mahkamah.
5.	Jasad dalam keadaan berisiko tinggi (penyakit berjangkit seperti COVID-19, ebola, atau antraks)	Dalam kes ini, forensik memainkan peranan dalam memastikan pengurusan jenazah dilakukan dengan langkah keselamatan yang ketat untuk mengelakkan penyebaran penyakit (Khoo <i>et al.</i> , 2020).

Jadual 3 di atas menunjukkan peranan pihak forensik dalam pengendalian pelbagai situasi jasad bagi pengumpulan bukti dan penentuan sebab kematian. Pendekatan secara saintifik ini mengambil kira juga keperluan undang-undang semasa.

Bencana besar yang melibatkan sejumlah besar mangsa yang tidak dikenali dan kemungkinan mangsa yang terselamat merupakan salah satu cabaran terbesar bagi anggota penyelamat, polis dan pakar forensik. Kejadian kematian besar-besaran yang melibatkan mangsa dari lebih daripada satu negara memerlukan kerjasama antarabangsa antara pakar forensik tempatan serta agensi-agensi kebangsaan dan antarabangsa (Lessig & Prinz, 2022). Proses penyiasatan kematian adalah satu proses yang kompleks yang tidak hanya melibatkan pihak doktor di jabatan Forensik di hospital malahan ianya melibatkan pengamal undang-undang seperti pihak polis dan kehakiman. Dalam menentukan sebab kematian yang tepat, beberapa langkah utama untuk memastikan jenazah dikenal pasti dan semua proses yang dilakukan diuruskan dengan betul seperti yang dirumuskan dalam Rajah 2 di bawah.



Rajah 2. Proses Forensik dalam Penyiasatan Kematian (AI Generated Image)

Berdasarkan Rajah 2 di atas, pengesahan identiti jasad adalah dilakukan melalui analisis cap jari, DNA dan rekod pergigian. Sekiranya jasad tidak boleh dicam dengan menggunakan wajah kerana bahagian muka telah mereput teruk atau hancur disebabkan bencana atau pembunuhan kejam, teknologi rekontruksi wajah akan dilakukan. Rekonstruksi wajah memainkan peranan penting dalam mengenal pasti individu yang tidak dikenali berdasarkan rangka tulang, terutamanya apabila kaedah tradisional seperti rekod pergigian atau analisis DNA tidak dapat digunakan (Setiawardani *et al.*, 2025). Pemeriksaan awal kepada tubuh jasad akan mendokumenkan tanda-tanda kecederaan dan tahap pereputan mayat. Tahap pereputan boleh mempengaruhi dapatan bedah siasat contohnya mayat yang mereput teruk menyukarkan doktor forensik untuk memberi punca kematian, merekodkan kecederaan pada tubuh jasad dan limitasi tisu/bendalir badan yang diambil untuk tujuan analisis toksikologi dadah atau racun (Lloyd & Evans, 2017).

Konflik antara Prosedur Forensik dan Prinsip Syariah dalam Pengurusan Jenazah Tidak Sempurna

Insiden MH17 adalah salah satu contoh isu yang penting dalam menggambarkan cabaran pihak forensik dalam pengendalian kematian yang ramai supaya tidak bertentangan dengan kehendak Islam. Terdapat dua cabaran yang amat signifikan dalam menguruskan jenazah-jenazah di dalam insiden tersebut. Pertama, ianya melibatkan jenazah yang tidak sempurna dan hancur dan kedua percampuran antara jenazah Islam dan bukan Islam (Khoo *et al.*, 2016).

Jadual 4. Konflik antara Prosedur Forensik dan Hukum Islam

No.	Konflik	Prosedur Forensik	Hukum Islam
1.	Pengebumian jenazah	Dalam isu jenayah atau kematian mencurigakan, bedah siasat mungkin mengambil masa lebih lama	Perlu disegerakan (JAWI, 2000)
2.	Etika dan sensitiviti dalam proses bedah siasat	Bedah siasat sering dikritik kerana boleh merosakkan fizikal jenazah. Namun, dalam kes tertentu, ia perlu dilakukan bagi mendapatkan keadilan untuk mangsa atau jenayah	Prinsip Islam yang mengutamakan penghormatan kepada jenazah
3.	Penyimpanan jenazah dalam tempoh lama	Bagi kes yang belum diselesaikan atau tanpa identiti, jenazah mungkin disimpan di bilik mayat untuk tempoh lama	Ini boleh menyebabkan jenazah mereput dan menyukarkan pengurusan pengebumian

Jadual 4 di atas merumuskan terdapat beberapa perkara dalam kategori konflik antara prosedur forensik dan pematuhan kehendak Islam yang disebut juga sebagai *Maqasid Syariah* iaitu memenuhi kepentingan dan menjauhkan kemudaratan (Rosman *et al.*, 2019).

Sains perubatan adalah berasaskan kepada prinsip mengelak dan menghilangkan kemudaratan daripada pesakit (Al-Mātrūdī, 2008). Kaedah ini telah diaplikasikan kepada fiqh perubatan sebagai contohnya, bedah siasat dibolehkan ke atas mayat yang kematiannya bukan dikategorikan kes jenayah sekiranya dalam keadaan darurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenalpasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 2004). Bagi mayat yang terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan bedah siasat atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup, bedah siasat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan darurat sahaja (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 1989).

Dalam isu pengebumian jenazah pula, Islam menggalakkan supaya ia disegerakan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah menggariskan pihak yang bertanggungjawab sekiranya dengan sengaja melambat-lambatkan siasatan sehingga menyebabkan mayat lambat dikebumikan adalah haram. Oleh itu, amatlah digalakkan kepada pihak penyiasat untuk menyiasat kes tersebut dengan segera dan ujian-ujian yang diambil juga diproses dengan kadar segera kerana ianya dituntut oleh Islam.

Tuntasnya, bagi memastikan pengurusan jenazah tidak sempurna dalam situasi perang atau bencana besar dilaksanakan dengan berkesan dan mematuhi prinsip forensik serta syariah, beberapa cadangan praktikal disarankan. Pertama, satu protokol standard kebangsaan perlu dibangunkan dengan kerjasama antara agensi forensik, pihak berkuasa agama, dan agensi keselamatan, khusus untuk pengurusan jenazah dalam keadaan darurat seperti konflik bersenjata, letupan atau kebakaran besar. Protokol ini harus merangkumi garis panduan pengecaman, pengambilan sampel DNA, pengendalian jenazah rentung atau hancur, serta pengurusan pengebumian mengikut hukum Islam. Kedua, latihan bersama antara pakar forensik dan pegawai agama perlu dilaksanakan secara berkala untuk memastikan kefahaman silang bidang yang mantap. Ketiga, penyediaan pusat pengecaman jenazah bergerak (*mobile DVI units*) yang lengkap dengan kemudahan makmal dan bilik urus jenazah dapat mempermudah proses di lokasi bencana atau konflik. Keempat, polisi sokongan psikososial kepada waris juga penting bagi menangani trauma dan membantu mereka memahami justifikasi saintifik serta hukum dalam proses pengurusan jenazah tidak sempurna. Pelaksanaan cadangan-cadangan ini diharap dapat menjadikan pendekatan Malaysia lebih holistik, bersifat manusiawi dan menepati tuntutan agama serta profesionalisme forensik.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pengurusan jenazah dalam situasi darurat seperti peperangan, bencana besar dan wabak memerlukan pendekatan yang fleksibel serta berlandaskan prinsip Maqasid Syariah. Islam dan norma kemanusiaan tetap menuntut agar jenazah dihormati walaupun dalam keadaan darurat. Cabaran seperti jasad yang tidak sempurna, identiti yang tidak diketahui, serta kekangan logistik dan sumber menuntut penyelarasan antara tuntutan hukum Islam dan keperluan forensik moden dalam keadaan peperangan. Usaha harus dilakukan untuk memastikan pengurusan jenazah dilakukan sebaik mungkin mengikut kemampuan dan menepati kehendak syarak. Artikel ini menunjukkan bahawa wujud kepelbagaian pandangan dalam kalangan mazhab utama berkaitan pengurusan jenazah tidak sempurna, yang boleh dimanfaatkan untuk mencari solusi kontekstual. Peranan bidang forensik juga amat penting dalam membantu pengecaman jenazah dan memastikan proses pengurusan jenazah dilaksanakan secara sistematik dan beretika. Oleh itu, kerjasama antara institusi agama dan forensik dicadangkan sebagai kunci utama bagi memastikan penghormatan terhadap jenazah dilakukan dengan adil, beretika, dan menghormati hak jenazah, walaupun dalam keadaan paling mencabar. Artikel ini diharap dapat menjadi rujukan penting ke arah pembangunan garis panduan pengurusan jenazah darurat yang integratif, relevan dan sensitif terhadap keperluan agama serta kemanusiaan sejagat.

Rujukan

- Abdul Khalid, K. A. (2022, February 18). "*Irsyad hukum siri ke-668: Hukum solat ke atas jenazah berulang kali meskipun telah dikebumikan*". Mufti of Federal Territory's Office. <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5125-irsyad-al-fatwa-siri-ke-668-hukum-solat-ke-atas-jenazah-berulang-kali-meskipun-telah-dikebumikan>
- Abdullah, N. K., Ahmad, N. A., Ramli, S. B., & Razak, N. A. (2024). The need for mandatory autopsy teaching in forensic medicine for medical students. *Autopsy and Case Reports*, 14, 2-7. <https://doi.org/10.4322/acr.2024.509>
- Adham, I. (2024). "*Irsyad al-hadith siri ke 560: Keutamaan susunan jenazah dalam satu liang lahad*". Mufti of Federal Territory Office. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/5968-irsyad-al-hadith-siri-ke-560-keutamaan-susunan-jenazah-dalam-satu-liang-lahad>
- Al-Bukhārī, M. I. (1987). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). The integration of five main goals of shariah in the production of science and technology for human well-being. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1–16.
- Al-Kāsānī, 'A. B. M. (t.th.). *Bad'ī 'al-Ṣanā'ī fī Tartīb al-Sharā'ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khīn, M., Al-Bughā, M., & al-Sharbājī, A. (2009). *Fiqh manhajī mazhab al-Shāfi'ī (Terjemahan)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Mātrūdī. (2008). *Taṭbīq al-qawā'id al-fiqhiyyah 'alā al-masā'il al-ṭibbiyyah*. Imam Muhammad ibn Saud Islamic University.
- Al-Nawawī, Y. S. (1996). *Al-Majmū' sharḥ al-muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Nawawī, Y. S. (t.th.). *Rauḍah al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Minhāj.

- Al-Sharbīnī, M. A. (1995). *Mughnī al-Muḥtāj ilā ma 'rifah ma 'ānī alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhaylī, W. (2007). *Al-fiqh al-islāmī wa adillatuhu*. Dār al-Fikr.
- Baharuddin, A. S. (2017). *The integration of forensic science fundamentals and al-qarinah towards achieving maqasid al-shari'ah*. (Doctor of Philosophy), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Baharuddin, A. S., Abdull Rahim, A., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Roslan, S. R. A., & Ruskam, A. (2021). Perkembangan dan pola literatur maqāsid syarī'ah di Malaysia: Analisis sistematik. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 2(1), 38–55.
- Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Ahmad, M. H., & Saqib, L. (2021). Systematic literature review of forensic science and al-qarinah in prominent shariah literature. In *INSLA E-Proceeding*, (pp. 67-73). <http://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/89>
- Bernama. (2014, September). “Pengurusan jenazah MH17: Pengalaman yang tidak boleh dilupakan”. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengurusan-jenazah-mh17-pengalaman-yang-tidak-boleh-dilupakan-42968>
- Bernama. (2024, July 7). “Tragedi MH17: Sedekad berlalu, keadilan akan terus dituntut”. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tragedi-mh17-sedekad-berlalu-keadilan-akan-terus-dituntut-479414>
- Dahal, A., McNevin, D., Chikhani, M., & Ward, J. (2023). An interdisciplinary forensic approach for human remains identification and missing persons investigations. *Wiley Interdisciplinary Reviews: Forensic Science*, 5(4), 1-34. <https://doi.org/10.1002/wfs2.1484>
- De Boer, H. H., Roberts, J., Delabarde, T., Mundorff, A. Z., & Blau, S. (2020). Disaster victim identification operations with fragmented, burnt, or commingled remains: Experience-based recommendations. *Forensic Sciences Research*, 5(3), 191–201.
- Faisal, F., Mu'in, F., Nur Edi, R., & Santoso, R. (2024). A review of maqāshid sharīa on handling the COVID-19 pandemic in Lampung and west java province. *Al-'Adalah*, 21(1), 221-244. <https://doi.org/10.24042/adalah.v21i1.21796>
- Guyomarc'h, P., & Congram, D. (2017). Mass fatalities, mass graves, and the forensic investigation of international crimes. In *Forensic Anthropology* (pp. 353–364). CRC Press.
- Harakatuna. (2022, September). “Bolehkah mengkafani mayit dengan selain kain kafan putih?”. Harakatuna. <https://www.harakatuna.com/bolehkah-mengkafani-mayit-dengan-selain-kain-kafan-putih.html>
- Hazique, S. (2024, August 2). “Fardu kifayah pengurusan jenazah berdepan cabaran dunia moden”. Wilayahku. <https://www.wilayahku.com.my/fardu-kifayah-pengurusan-jenazah-berdepan-cabaran-dunia-moden/>
- Hospital Kuala Lumpur. (2024). “Perubatan forensik”. Hospital Kuala Lumpur. <https://hkl.moh.gov.my/index.php/mengenai-kami/jabatan/sokongan-klinikal/perubatan-forensik>
- Ibn Qudāmah, A. (1997). *Al-mughnī*. Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2023). “Garis panduan pengkebumian jenazah”. Mufti Negeri Selangor. https://www.muftiselangor.gov.my/wp-content/uploads/2023/08/Garis-Panduan-Pengkebumian-Jenazah_compressed.pdf
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2019, Mac). “Bayan Linnas Siri Ke-170: Anggota tisu dan janin orang Islam – Hukum pelupusannya”. Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3180-bayan-linnas-siri-ke-170-anggota-tisu-dan-janin-orang-islam-hukum-pelupusannya>
- JAKIM. (2020). *Garis panduan pengurusan jenazah Islam COVID-19*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <https://fliphtml5.com/viauu/lkor/GP-PENGURUSAN-JENAZAH-ISLAM-COVID-19>
- JAWI. (2000). “Mayat disimpan lama atau dikorek semula untuk dijadikan sebagai bahan kes dalam mahkamah”. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. <https://www.epusara.jawi.gov.my/index.php/meja-bantuan/fatwa2?view=article&id=38:mayat-disimpan-lama-atau-dikorek-semula-untuk-dijadikan-sebagai-bahan-kes-dalam-mahkamah&catid=12>

- Khoo, L. S., Hasmi, A. H., Abdul Ghani Aziz, S. A., Ibrahim, M. A., & Mahmood, M. S. (2016). MH17: The Malaysian experience. *Malaysian Journal of Pathology*, 38(1), 1–10. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/27126658/>
- Khoo, L. S., Hasmi, A. H., Ibrahim, M. A., & Mahmood, M. S. (2020). Management of the dead during COVID-19 outbreak in Malaysia. *Forensic Science, Medicine and Pathology*, 16, 463–470. <https://doi.org/10.1007/s12024-020-00249-y>
- Lessig, R., & Prinz, M. (2022). Mass disaster victim identification. In B. Madea (Ed.), *Handbook of forensic medicine* (Vol. 1, pp. 291–309). Wiley. <https://doi.org/10.1002/9781119648628.ch14>
- Lloyd, R., & Evans, J. (2017). Forensic toxicology of decomposed human remains. In S. Black & E. Sunderland (Eds.), *Taphonomy of human remains: Forensic analysis of the dead and the depositional environment* (pp. 297–317). Wiley-Blackwell.
- Malik, I. (2020). *Al-Muwatṭa' Imām Mālik bin Anas*. In *Studi Kitab Hadis: Dari Muwaththa' Imam Malik hingga Mustadrak al-Hakim*. Ahli Media Press.
- Meirison, M., Saharuddin, D., & Fatarib, H. (2022). The dynamics of Islamic jurisprudence in the eyes of contemporary Muslims. *El-Mashlahah*, 12(1), 70–83. <https://doi.org/10.23971/elma.v12i1.3939>
- Mohamad Al-Bakri, Z. (2016). “bayan linnas siri ke-69: Fiqh jenazah: Beberapa persoalan”. Mufti of Federal Territory Office. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1133-bayan-linnas-siri-69-fiqh-jenazah-beberapa-persoalan>
- Mohd Noor, M. I., Mohd Noor, F. N., Aziz, F. Y., & Nordin, B. (2020). Aplikasi qawaid fihiyyah dalam menghadapi COVID-19. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 181–193.
- Mubārakfūrī, S. A. R. (1984). *al-Raḥīq al-Makhtūm*. al-Maktab al-Ta'limī al-Sa'ūdī.
- Mukhlisin, A., Suhendri, A., & Dimyati, M. (2018). Metode penetapan hukum dalam berfatwa. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 3(2), 167–184. <https://doi.org/10.29240/jhi.v3i2.444>
- National Security Council. (2014). *Special directive: Mission MH17 in Ukraine by Secretary (Safety Strategic)*. National Security Council, Department of Prime Minister, Malaysia.
- Othman, R. (2014). *Forensik Islam: Asas dan aplikasi dalam pengurusan jenazah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peerwani, N. (2017). The role of a forensic pathologist in armed conflict. *Academic Forensic Pathology*, 7(3), 370–389. <https://doi.org/10.23907/2017.033>
- Roslan, M. F. N. (2024, Disember 19). “Irsyad Hukum Siri ke-878: Pandangan berkenaan kewujudan kartel pengurusan jenazah”. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/6074-irsyad-hukum-siri-ke-878-pandangan-berkenaan-kewujudan-kartel-pengurusan-jenazah>
- Rosman, A. S., Fadzillah, N. A., Haron, Z., Ripin, M. N., Hehsan, A., Jandra, M., & Jamli, N. A. O. (2019). Fatwa dan sains perubatan moden menurut perspektif maqasid syariah. *UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2–2), 1–15.
- Safrudin, A. H. (2018). Hukum mensucikan dan mensalatkan percampuran tubuh jenazah Muslim dan non-Muslim dalam pandangan Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i. *El-Faqih: Jurnal Pemikiran dan Hukum Islam*, 4(2), 68–85.
- Setiawardani, A., Rahman, A. U., Utama, A. N., Prakosa, J. S., & Susilo, Y. A. (2025). The role of artificial intelligence in 3D development–facial reconstruction of skull bones as a forensic investigation solution: A comprehensive review. *Indonesian Journal of Social Technology*, 6(1), 774–790.
- Sinar Harian. (2020, September). “Peristiwa Lahad Datu sejarah hitam Malaysia”. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/102150/berita/nasional/peristiwa-lahad-datu-sejarah-hitam-malaysia>
- Siregar, S. (2025). Identifikasi jenazah berdasarkan hukum Islam dan hukum humaniter internasional. *Jurnal EL-Qanuniy: Jurnal Ilmu-Ilmu Kesyariahan dan Pranata Sosial*, 11(1), 50–59.
- Tettamanti, C., Frigiolini, F., Franceschetti, L., Barranco, R., Pinto, S. L., Casarino, L., & Ventura, F. (2025). A forensic approach to complex identification cases: The collapse of an Italian cemetery into the sea. *Genes*, 16(3), 277. <https://doi.org/10.3390/genes16030277>
- Vaswani, V., Caenazzo, L., & Congram, D. (2024). Corpse identification in mass disasters and other violence: The ethical challenges of a humanitarian approach. *Forensic Sciences Research*, 9(1), owad048. <https://doi.org/10.1093/fsr/owad048>
- YADIM. (2021, February 4). “Solat jenazah ghaib untuk mangsa COVID-19”. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. <https://www.yadim.com.my/v2/solat-jenazah-ghaib-untuk-mangsa-covid-19/>